

## **Meneroka Faktor Kritikal Kejayaan Lulusan Kolej Komuniti Melaka Yang Berpendapatan Tinggi**

Ahmad Rosli Mohd Nor  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
Ahmadrosli75@yahoo.com

Sahalani Bin Basar  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
sahalani@kkmt.edu.my

Zuraidi Bin Md Tahir  
Kolej Komuniti Masjid Tanah  
zuraidi@kkmt.edu.my

### **Abstract**

This study is conducted to explore the successful success of high-income Malacca Community College graduates. This is because graduates can be regarded as human capital as a result of an increase in the value of manpower by an institution of higher learning. Graduates always carry images that symbolize the quality of the alma mater or institution where they seek knowledge first. Qualitative studies using the multi case case study will explore the critical success factors of Community College based on nine Community College graduates in Melaka who have succeeded in their respective career and high incomes. This study uses unstructured interviews and observations as a method to collect data. The data obtained were then analyzed using Nvivo 8.0 software. The findings show that there are five internal factors of interest, courage, far-sightedness, highly skilled and sufficient experience and four external factors such as family support, immediate people, inspirational sources and practical training. Several findings and suggestions were presented at the end of this study.

### **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk meneroka faktor kritikal kejayaan graduan Kolej Komuniti Melaka yang berjaya dan berpendapatan tinggi. Ini kerana graduan boleh dikatakan sebagai modal insan hasil dari usaha peningkatan nilai tenaga manusia oleh sesebuah institusi pengajian tinggi. Graduan sentiasa membawa imej yang melambangkan kualiti alma mater atau institusi di mana mereka menuntut ilmu dahulu. Kajian secara kualitatif yang menggunakan metod kajian kes berbilang kes (multi case) ini akan meneroka faktor kritikal kejayaan Kolej Komuniti berdasarkan sembilan orang lulusan Kolej Komuniti di Melaka yang telah berjaya dalam karier masing-masing dan berpendapatan tinggi. Kajian ini menggunakan temu bual tidak berstruktur dan pemerhatian sebagai metod untuk mengutip data. Seterusnya data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian Nvivo 8.0. Hasil kajian mendapati wujud lima faktor dalaman iaitu minat, berani, berpandangan jauh, berkemahiran tinggi dan pengalaman yang cukup dan empat faktor luaran iaitu sokongan keluarga, orang yang terdekat, sumber inspirasi dan latihan praktikal. Beberapa dapatan dan cadangan telah dikemukakan di akhir kajian ini.

### **Pengenalan**

Malaysia dirancang menjadi sebuah negara industri maju menjelang 2020 (Mahathir 1993; Mohamed Sheriff 1991; Mohamed Sherif 2003). Maka untuk Malaysia mencapai status negara maju pada tahun 2020 ianya memerlukan modal insan yang berkualiti dalam kerjaya tanpa meminggirkan mana-mana golongan masyarakat termasuk mereka yang disifatkan berisiko untuk gagal. Justeru itu Kolej Komuniti telah

ditubuhkan sebagai sebuah institusi awam yang dikendalikan oleh pengurusan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ia menjadi platform kepada pelajar berisiko atau berprestasi sederhana untuk menyambung pelajaran atau menjadi golongan pekerja mahir. Misi Kolej Komuniti pula adalah untuk mewujudkan peluang, membangunkan potensi dan kecemerlangan untuk pelajar lepasan menengah dan komuniti setempat melalui pendidikan dan latihan (JPPKK 2009).

### **1.1 Penyataan Masalah**

Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti semenjak tahun 2004 sehingga tahun 2010 menunjukkan secara purata 84.5% lulusan Kolej Komuniti tidak menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Lulusan yang didapati terus bekerja, purata 0.2% sahaja yang mampu memperoleh pendapatan melebihi RM5000 (JPKK 2011). Sedangkan Kolej Komuniti dirancang untuk menjadi landasan terbaik untuk melahirkan modal insan yang berilmu dan berkemahiran tinggi seiring aspirasi ke arah negara maju berpendapatan tinggi (Amir 2011). Walaupun laporan pengesanan graduan di atas menunjukkan hanya sedikit sahaja (0.2%) lulusan Kolej Komuniti mencatatkan pendapatan tinggi tetapi ia tetap merupakan kejayaan pada Kolej Komuniti jika kita melihat kepada kondisi pelajar Kolej Komuniti yang rata-rata mempunyai latar belakang berisiko untuk gagal di peringkat persekolahan dulu (Jasmi 2013; Kamarudin 2010). Namun begitu kejayaan ini perlu dipertingkatkan lagi agar lebih ramai pelajar Kolej Komuniti mampu menjana pendapatan lebih tinggi apabila mereka lulus dan mendapat pekerjaan.

Justeru itu keperluan untuk mengkaji profil dan faktor kritikal kejayaan lulusan Kolej Komuniti yang telah berjaya amat perlu untuk dijadikan panduan kepada pelajar Kolej Komuniti sekarang ini dan di samping menjadi faktor penyuntik semangat kepada semua warga Kolej Komuniti akan keberkesanan Kolej Komuniti sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berjaya di Malaysia.

### **1.2 Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini dilakukan untuk meneroka faktor kritikal kejayaan lulusan Kolej Komuniti yang berjaya dan telah mencapai pendapatan tinggi. Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk:

- a. Meneroka faktor dalaman kejayaan lulusan Kolej Komuniti yang berjaya dan berpendapatan tinggi
- b. Meneroka faktor luaran kejayaan lulusan Kolej Komuniti yang berjaya dan berpendapatan tinggi

### **1.3 Persoalan Kajian**

- a. Apakah faktor dalaman kejayaan lulusan Kolej Komuniti yang berjaya dan berpendapatan tinggi?
- b. Apakah faktor luaran kejayaan lulusan Kolej Komuniti yang berjaya dan berpendapatan tinggi?

#### **1.4 Kepentingan Penyelidikan**

Kajian ini mampu memberi panduan dan inspirasi kepada pelajar Kolej Komuniti untuk berjaya dan berpendapatan tinggi apabila mendapat pekerjaan. Ini kerana kajian memaparkan secara terperinci bukti kejayaan Kolej Komuniti dalam melahirkan graduan yang berpendapatan tinggi dan membantu negara mencapai taraf negara maju pada tahun 2020. Sehubungan dengan itu ia diharap dapat membantu pihak pengurusan Kolej Komuniti merangka program yang mampu melahirkan lulusan Kolej Komuniti yang berjaya berdasarkan maklum balas oleh lulusan Kolej Komuniti yang telah berjaya.

#### **Sorotan Literatur**

Wawasan negara adalah untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 seperti yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang keempat iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad yang pertama kali dibentangkan pada 28 Februari 1991 dalam mesyuarat sulung Majlis Perniagaan Malaysia (Mohamed Sheriff 2003; Ahmad Sarji 2003; INTAN 2007). YAB Perdana Menteri telah membentangkan satu kertas kerja bertajuk “Malaysia – Melangkah ke hadapan” yang mengandungi satu pemikiran dan rangka kerja mengenai matlamat Malaysia menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020 dan dikenali sebagai “Wawasan 2020”. Sehubungan dengan itu ia merupakan satu cabaran kepada kita rakyat Malaysia untuk sama-sama menjayakannya. Rakyat Malaysia perlu komited untuk menjadikan Malaysia maju bukan sahaja pada pendapatan tetapi maju pada semua dimensi seperti pendidikan, ekonomi, sosial dan kualiti hidup. Ini kerana, Wawasan 2020 bukanlah merupakan satu dasar khas tetapi merupakan tindak balas kepada perkembangan ekonomi, sosial dan politik yang berlaku di peringkat nasional dan antarabangsa yang telah memberi cabaran hebat kepada negara. Justeru tepat sekali kajian oleh Ishak dan Zulkifly (2010) yang menunjukkan Malaysia perlu melahirkan tenaga kerja yang berkualiti yang memiliki dan menguasai pengetahuan, kemahiran sikap yang selari dengan tuntutan pasaran buruh semasa dan akan datang. Beliau mengatakan pelaburan dalam pendidikan bukan sekadar memenuhi tuntutan pertambahan permintaan dari golongan belia, malah lebih penting melahirkan tenaga kerja yang berupaya menjana ekonomi berteraskan pengetahuan di masa akan datang.

Di kebanyakan negara maju, pendidikan diletakkan di bawah teori modal manusia. Ia dilihat sebagai penentu utama prestasi ekonomi dengan mengambil konsep pekerja sebagai modal manusia. Ia dilihat sebagai penentu utama prestasi ekonomi dengan mengambil konsep pekerja sebagai modal manusia yang akan menyokong perubahan teknologi, pengkajian dan inovasi, peningkatan produktiviti dan daya saing (Fitzsimons 1999). Menurut Teori Modal Manusia oleh Becker (1964; 1994) pertumbuhan dalam modal fizikal merupakan sebahagian kecil sahaja dalam pertumbuhan pendapatan. Pendidikan dan latihan sebenarnya memainkan peranan yang lebih penting dalam pertumbuhan tersebut. Pendidikan dan latihan akan meningkatkan produktiviti pekerja di mana pengetahuan dan kemahiran yang ada pada pekerja tersebut akan meningkatkan penjana

pendapatan mereka. Teori ini juga menekankan kepentingan pendidikan dan latihan sebagai kunci untuk terlibat dalam ekonomi global yang baru.

Dalam RMKe-10, kerajaan telah menetapkan bahawa latihan dan pendidikan teknikal dan vokasional diurus perdanakan bagi merealisasikan ekonomi berpendapatan tinggi. Hasrat ini akan tercapai jika kemahiran pekerja khususnya pelajar lepasan sekolah adalah berada pada tahap tertinggi semasa mereka menceburi alam pekerjaan. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang lebih strategik harus diambil secara berterusan untuk mencapai matlamat tersebut. Secara tidak langsung ini merupakan satu cabaran kepada Kolej Komuniti untuk meningkatkan kualiti pengajian bagi memperbaiki tahap kemahiran dan kompetensi lulusan yang dihasilkan ke arah memenuhi kehendak industri.

Seterusnya, menyedari persaingan, cabaran dan aspirasi yang sentiasa meningkat dan seiring dengan transformasi pendidikan dan dasar-dasar negara seperti mana yang terdapat di dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi (MBE) dan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10), teras pemerksaan Kolej Komuniti telah diperkenalkan untuk memartabatkan Kolej Komuniti sebagai sebuah institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang disegani dan dihormati serta relevan dalam memainkan peranan penting melonjakkan Malaysia ke arah negara maju.

Di luar negara Kolej Komuniti telah terbukti memainkan peranan penting dalam menghasilkan lulusan yang berjaya dan berpendapatan tinggi. Kajian oleh Belfield dan Bailey (2011) tentang kepentingan dan manfaat Kolej Komuniti di Amerika menunjukkan lulusan Kolej Komuniti di Amerika Syarikat didapati menjana pendapatan yang lebih tinggi daripada lulusan sekolah tinggi dan ia akan bertambah berlipat ganda jika lulusan Kolej Komuniti ini melengkapkannya dengan ijazah pertama di universiti. Kajian ini jelas menunjukkan kemampuan Kolej Komuniti di Amerika dalam melahirkan lulusan yang boleh menjana pendapatan yang tinggi. Ini telah menyokong kajian Attewell & Lawin (2007) dan Belfield & Lawin (2007) yang menunjukkan lulusan Kolej Komuniti di Amerika Syarikat mampu menjana pendapatan yang tinggi dan menjadi pilihan pelajar lepasan sekolah yang berprestasi rendah untuk menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Kolej Komuniti di Malaysia juga sebenarnya berpotensi untuk mencapai kejayaan yang sama seperti di luar negara. Pelajar Kolej Komuniti perlu diasah dan diberi pemahaman bahawa mereka boleh berjaya. Justeru itu pelajar ini perlu didedahkan dengan faktor kejayaan lulusan Kolej Komuniti dan belajar melaluinya. Ini bertepatan dengan Teori Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1977) yang menekankan pembelajaran melalui pemerhatian di mana sebahagian besar manusia belajar melalui pengamatan secara selektif dan mengingat tingkah laku orang lain. Inti dari teori pembelajaran sosial adalah pemodelan (modelling), dan pemodelan ini merupakan salah satu langkah paling penting dalam pembelajaran terpadu.

## Kaedah Penyelidikan

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti profil dan faktor kritikal kejayaan lulusan Kolej Komuniti. Justeru itu pemilihan reka bentuk, peserta kajian, instrumen, pentadbiran temu bual dan lain-lain perlu disusun dengan teliti.

### 3.1 Reka bentuk Penyelidikan

Reka bentuk kajian merupakan kaedah dan teknik yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian. Ia akan menjadi panduan kepada pengkaji untuk mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian yang dijalankan menerusi beberapa prosedur tertentu. Sekaran (2003) dan Zikmund (2003) menjelaskan bahawa rekabentuk kajian merupakan satu perancangan mengenai tata cara pengumpulan dan penganalisaan data yang mencakupi aktiviti membuat keputusan berdasarkan beberapa aspek seperti objektif kajian, strategi kajian, tempat kajian, jenis kajian, unit analisis, rekabentuk persampelan serta kaedah pengumpulan, pengukuran dan analisa data. Kajian ini secara umumnya menggunakan pendekatan kualitatif dan menggunakan menggunakan metod kajian kes berbilang kes (*multi case*). Reka bentuk ini sesuai digunakan untuk kajian ini bagi meneroka secara mendalam profil dan faktor kritikal kejayaan lulusan Kolej Komuniti.

### 3.2 Maklumat Peserta Kajian

Seramai sembilan orang peserta kajian yang terdiri daripada lulusan Kolej Komuniti yang berjaya dan berpendapatan bulanan RM5000 ke atas. Peserta kajian ini dipilih daripada senarai alumni berjaya yang dikeluarkan oleh Bahagian Hubungan Industri, Pengesanan Graduan dan Alumni, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK 2011). . Bagi mengukur tahap pendapatan sebagai asas untuk memilih peserta kajian, pengkaji menggunakan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS sumber pengelasan pendapatan. HIS merupakan salah satu penyiasatan yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (UPEN 2013). Pengkaji memilih RM5000 sebagai aras pendapatan komuniti berpendapatan tinggi di bandar dan RM3080 sebagai aras pendapatan komuniti berpendapatan tinggi di luar bandar. Saiz sampel adalah kecil dan dipilih secara bertujuan dan tidak berasaskan kebarangkalian.

**Jadual 1:** Profil Lulusan Kolej Komuniti Yang Berpendapatan Tinggi

Latar Belakang	Klasifikasi (n=10)	Kekerapan(f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	7	77
	Perempuan	2	23
Pendapatan	RM5000 – RM6000	6	67
	RM6001 – RM10000	1	10
	RM10000 – ke atas	2	23
Pendidikan	Sijil KK	6	67
	Diploma	3	33
KK	Bukit Beruang	6	67
	Masjid Tanah	2	23
	Selandar	1	10

### 3.3 Maklumat Instrumentasi

Penyelidik adalah instrumen utama memungut data dalam penyelidikan kualitatif. Penyelidik perlu berada dalam situasi yang dikaji, mendengar dan memerhati sendiri fenomena yang ingin dikaji. Metod bagi mengutip data bagi kajian ini adalah menggunakan temu bual semi struktur dan pemerhatian. Satu set soalan protokol temu bual dan protokol pemerhatian telah disediakan dan disahkan oleh tiga orang pakar dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan seorang dari Kolej Komuniti Masjid Tanah Melaka. Manakala Triangulasi berdasarkan metod (Triangulation of metod) digunakan di mana data temu bual akan dibandingkan dengan data pemerhatian bagi memastikan kredibiliti dan validiti data yang dikutip. Temu bual dijalankan secara berdepan dan dijalankan di tempat peserta kajian. Tempat dan masa temu bual ditentukan sendiri oleh peserta kajian. Ini bagi menjamin keselesaan peserta kajian dalam menjawab soalan temu bual yang dijalankan.

### 3.4 Jenis data

Data berbentuk perkataan atau pernyataan-pernyataan verbal yang dikumpul melalui temubual dan respon yang dicatat dalam pemerhatian semasa kajian lapangan. Data temu bual kemudian akan ditranskripsikan dan disahkan semula oleh peserta kajian.

### 3.5 Pengesahan Faktor Kritikal

Faktor kritikal ditentukan berdasarkan analisis tema yang diperolehi daripada temu bual dengan peserta kajian. Tema yang diulas paling banyak akan dijadikan faktor utama manakala yang kurang disebut akan diketepikan. Seterusnya ia akan disahkan pula menggunakan kaedah *inter rater* di mana konstruk-construct ini telah dinilai oleh tiga orang pakar dalam bidang kaunseling menggunakan indeks Cohen Kappa. Setelah itu barulah konstruk-construct ini dijadikan faktor kritikal kejayaan lulusan Kolej Komuniti.

### Analisis Data

#### 4.4 Dapatan Kajian

Kajian ini adalah berasaskan *Self Determination Theory* (SDT) oleh Ryan & Deci (2008) yang memfokuskan persoalan mengapa manusia akan memilih apa yang mereka sendiri inginkan. Teori ini berpendapat setiap faktor kritikal tindakan manusia adalah berasaskan aspek dalaman dan luaran. Justeru itu dapatan kajian ini dibahagikan kepada faktor dalaman dan faktor luaran untuk melihat faktor kritikal kejayaan lulusan Kolej Komuniti.

#### **a. Faktor dalaman kejayaan lulusan Kolej Komuniti yang berjaya dan berpendapatan tinggi.**

Pada umumnya, semua peserta kajian berpendapat bahawa faktor dalaman ini memainkan peranan yang penting dalam kejayaan mereka di bidang pekerjaan selepas mereka tamat pengajian di Kolej Komuniti.

##### i. Minat

Rata-rata peserta kajian menegaskan bahawa minat merupakan faktor kejayaan mereka di mana ia menjadi pendorong utama mereka untuk berjaya.

“Untuk berjaya..salah satunya minat la..minat dan daya keyakinan diri yang tinggi la..kita nak ceburi bidang perniagaan ni kan”(PK01)

“kena ada minat yang mendalam.... kalau suatu benda tu kita minat ..kena betul-betul..jangan ikut orang..kena ada pendirian sendiri..baru boleh berjaya”(PK02)

ii. Berani menempuh cabaran

Peserta PK01 menganggap berani menempuh cabaran dan berani mencuba sesuatu yang baru merupakan kunci kejayaan lulusan Kolej Komuniti ini. Faktor ini diperkatakan juga oleh PK02 yang menyifatkannya sebagai kelebihan utama dirinya dalam menempuh cabaran mendatang. Ini disokong oleh peserta kajian PK03 dan PK 04 yang menjadikan keberanian dalam menempuh cabaran sebagai faktor pendorong mereka untuk maju ke hadapan. Antara ungkapan peserta PK01 dan PK02 adalah seperti berikut:

“pada hal kalau bukan kita..siapa lagi nak buat benda ni kan..kena berani la” (PK01)

“saya takde apa-apa..saya cuma ada berani aje.. tu je..” (PK02)

iii. Berpandangan Jauh

Peserta PK04 pula memberi pandangan bahawa orang yang berjaya adalah orang yang berwawasan iaitu mereka yang mempunyai pandangan yang jauh ke hadapan. Perancangan jauh beliau ini disokong oleh peserta PK07 yang menyifatkannya sebagai pendorong kemajuan dirinya. Begitu juga dengan PK01 dan 03 yang menegaskan keperluan untuk merancang masa depan dengan berhemah.

“saya tengok bidang kejuruteraan mekanikal ..ia sangat luas..macam-macam bidang kita boleh teroka... dari situ saya rasa rasa peluang untuk berjaya memang ada kat situ” (PK01)

“saya nampak benda ni boleh pergi jauh..saya rasa boleh pergi jauh” (PK04)

“Rasa nak lebih maju, lebih bertapak ke hadapan macam tu kan” (PK06)

iv. Mempunyai Kemahiran Tinggi

Seterusnya peserta kajian PK02 menegaskan beliau berjaya maju ke depan dengan menggunakan sepenuhnya kemahiran yang dipelajarinya. Ia disokong oleh PK04 dan PK07 yang menyifatkannya sebagai aset tersendiri kepada mereka

“saya gunakan apa yang ada.. kemahiran yang ada pada diri saya.. untuk saya meniaga.”(PK02)

“..gunakan kemahiran yang ada...baru boleh berjaya”(PK07)

v. Pengalaman

Pengalaman juga menjadi sandaran utama lulusan Kolej Komuniti untuk berjaya. Mereka menegaskan pengalaman perlu dicari untuk memantap dan memantapkan dunia kerjaya mereka. Kebanyakannya bekerja dengan orang lain terlebih dahulu sebelum menceburi bidang perniagaan atau menjadi pekerja mahir yang berpendapatan tinggi.

“..apa-apa pun kena ada pengalaman dulu..baru boleh berdikari”(PK01)

“bagi saya macam mana kalau dia nak terus running berniaga takpe..dia kena bekerja dulu dengan orang dulu ambil pengalaman dulu..”(PK08)

“saya banyak kerja tempat yang berbeza..berbeza kompeni la kan..untuk dapatkan pengalaman...persediaan untuk saya berniaga sendiri”(PK06)

Kesimpulannya, dapatan dari temu bual yang dijalankan ke atas lapan orang lulusan Kolej Komuniti yang berjaya telah menghasilkan lima faktor kritikal dari segi dalaman untuk menghasilkan individu yang berjaya dan berpendapatan tinggi setelah berkerjaya. Antaranya ialah minat, berani, berpandangan jauh, berkemahiran tinggi dan pengalaman yang cukup.

## **b. Faktor luaran kejayaan lulusan Kolej Komuniti yang berjaya dan berpendapatan tinggi**

### **i. Sokongan Keluarga**

Rata-rata peserta kajian menyifatkan keluarga merupakan faktor luaran utama dalam kejayaan mereka. PK08 mengatakan ia adalah faktor utama kekuatannya dalam menempuh cabaran yang mendatang. Malah semua peserta kajian juga menyatakan perkara yang sama dan menyifatkannya sebagai perkara yang amat penting dalam kehidupan mereka.

“masa saya belajar tu saya memang dah kahwin dah...keluarga la...jadi tunjang..tulang belakang dalam perjalanan kerjaya saya.”(PK06)

“setakat ni faktor luaran keluarga dan bila saya buka syarikat ni.. saya dah pun berkahwin.. isteri saya la...mereka paling memberi sokongan la”(PK08)

“masa tu banyak beri dorongan masa belajar di Kolej Komuniti yang banyak membantu, keluarga, mak ayah, adik-beradik macam tu la”(PK05)

### **ii. Pengaruh orang terdekat**

Kebanyakan peserta kajian menyatakan orang yang terdekat kepada mereka seperti kawan-kawan, pensyarah dan majikan juga berpengaruh dalam mencorakkan kerjaya mereka. Kebanyakan peserta kajian menyifatkan mereka sebagai pendorong kejayaan mereka.

“tetapi juga saya cukup berterima kasih kepada majikan saya ni..En. Syukur..banyak saya belajar daripada beliau untuk berjaya seperti ini”.(PK04)

“daripada kawan-kawan dan pensyarah..saya tanya pendapat mereka macam mana nak buat perniagaan tu”(PK06)

### **iii. Inspirasi daripada Mentor atau Idola**

Peserta kajian PK02 dan PK04 menyifatkan inspirasi sama ada daripada mentor atau orang yang signifikan amat berpengaruh dalam mencorakkan kerjaya mereka. Mereka merasakan ia adalah tonik tambahan dalam menggerakkan kejayaan mereka dan ia turut disokong oleh PK06.

“inspire tu sangat penting la..saya rasa benda perkara yang paling kuat dalam diri saya bukan kursus-kursus tapi lebih pada inspire oleh lecturer pada kita.”(PK02)

“so lebih mudah adalah inspire...ia membuka jalan untuk kita”(PK04)



#### iv. Latihan Industri

Latihan Industri juga banyak disentuh oleh peserta kajian yang rata-rata menyifatkannya sebagai medan terbaik untuk mengutip pengalaman dan pendedahan sebenar kepada dunia kerjaya. PK04 menyatakan ia banyak mengubah perjalanan kariernya dan menyifatkan beliau bertuah kerana berada di tempat Latihan Industri yang betul

“banyak melalui LI sahaja..banyak dapat tahu tentang kerjaya”(PK03

“..kemudian masa praktikum saya diletakkan di satu syarikat ni ..jodoh la dia panggil kan..Masya associate ni..daripada situ saya nampak perjalanan karier saya...saya nampak kekuatan saya kat mana”(PK04)

“masa sekolah saya memang tak minat..sebab saya lemah teori tapi di kolej, banyak praktikal..jadi saya rasa seronok la nak belajar” (PK04).

Kesimpulannya, dapatan daripada temu bual ini menunjukkan empat faktor luaran menjadi sandaran utama kebanyakan peserta kajian dalam perjalanan karier mereka. Ia adalah sokongan keluarga, orang yang terdekat, sumber inspirasi dan latihan praktikal.

#### 4.2 Ulasan Data

Kajian ini berfokus pada faktor kejayaan lulusan Kolej Komuniti. Berdasarkan pada *Self Determination Theory* (SDT) oleh Ryan & Deci (2008) yang memfokuskan persoalan mengapa manusia akan memilih apa yang mereka sendiri inginkan. Teori ini membezakan antara faktor yang dijanakan secara dalaman (*intrinsic*) dan faktor yang didapati daripada sumber luar (*extrinsic*). Teori ini berpendapat faktor dalaman adalah lebih berkembang dalam persekitaran sosial yang selamat dan saling berhubung. Manakala motivasi luaran dapat menggerakkan individu ke arah kejayaan dengan lebih cepat lagi dan menjadi pelengkap kepada faktor dalaman. Justeru itu kajian ini dijalankan dalam skop faktor luaran dan faktor dalaman kejayaan lulusan Kolej Komuniti untuk dijadikan panduan kepada pelajar Kolej Komuniti untuk mencapai kejayaan yang sama.

Hasil daripada pemerhatian dan temu bual ini jelas menunjukkan kesemua peserta kajian ini mempunyai profil yang tersendiri dan mempunyai perwatakan yang positif seperti tabah, cekal, berani menanggung risiko dan berusaha keras untuk mencapai kejayaan.

Minat yang dijadikan sandaran utama mereka memang telah terbukti pengaruh besarnya dalam perjalanan kerjaya. Malah Holland (1973; 1985) menjadikannya asas kepada Teori pemilihan Kerjaya Holland yang menekankan pemilihan kerjaya berasaskan kecenderungan minat mereka. Ia telah banyak disokong oleh kajian-kajian yang terkini sama di Malaysia atau luar negara seperti kajian Jasmi (2013), Ahmad Rosli (2010), Syed Mohamad (2010) dan Eells dan Romans (1994). Ini membuktikan pengaruh besar minat dalam menjadikan seseorang berjaya dalam karier masa depan mereka. Justeru itu faktor minat perlu diberi pertimbangan dalam pemilihan program pengajian pelajar di Kolej Komuniti bagi membantu mereka lebih cemerlang dalam kerjaya masa depan mereka.

Berani dan berpandangan jauh merupakan sifat yang perlu ada pada setiap individu untuk berjaya. Ia juga adalah asas kepada Wawasan 2020

yang merupakan pandangan jauh dan berani daripada mantan perdana menteri Malaysia untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi (Ahmad Sarji 2003). Keberanian merupakan faktor kritikal kepada pelajar Kolej Komuniti kerana mereka perlu bersaing dengan lulusan IPT lain yang jauh lebih hebat dan berbeza kepakaran. Kajian Ahmad Rosli et al. (2011) mendapati tahap kesedaran sendiri pelajar Kolej Komuniti berada di tahap sederhana rendah yang menyukarkan mereka bersaing. Ini menyokong kajian Mohd Safarin et al. (2008) yang menyatakan Kolej Komuniti perlu berusaha untuk meningkatkan tahap kesedaran sendiri pelajarnya bagi membantu mereka berani bersaing dalam pasaran pekerjaan.

Kemahiran tinggi adalah sinonim dengan upah yang tinggi dan ia disokong oleh kajian Ishak dan Zulkifly (2010) yang menunjukkan tenaga kerja yang berkualiti yang memiliki dan menguasai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang selari dengan tuntutan pasaran buruh semasa dan akan datang mampu menjana pendapatan yang tinggi. Ini menyokong kajian Tan dan Gill (2000), Zuniga (2004) dan Ramachandran (2005). Justeru itu peserta kajian sepakat menyatakan keperluan kritikal untuk mempunyai kemahiran tinggi untuk berjaya dalam kerjaya mereka.

Faktor pengalaman juga mempunyai peranan tersendiri dalam peningkatan taraf hidup dan perkembangan kerjaya seperti kajian Mincer (1974) di Amerika Syarikat yang mendapati faktor pengalaman berpengaruh dalam tingkat pendapatan pekerja. Ia disokong oleh kajian Trostel et al. (2002) dan Webbink dan Herthog (2004) yang menegaskan faktor pengalaman masih relevan dalam penawaran gaji kepada pekerja. Kebanyakan peserta kajian mengatakan mereka mencari pengalaman pekerjaan dengan pelbagai cara seperti bekerja separuh masa, belajar dengan mentor dan bekerja di pelbagai tempat. Mereka menegaskan pengalaman akan membantu memantapkan seseorang untuk menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Manakala faktor luaran seperti dorongan keluarga dan orang terdekat seperti kawan, pensyarah dan majikan telah dipersepakati sebagai faktor luaran utama dalam pembangunan kerjaya mereka. Ini menyokong Teori Pemilihan Kerjaya Anne Roe yang menjadikan peranan keluarga sebagai asas pemilihan kerjaya individu. Menurut Roe (dlm Sidek 2005) faktor keluarga dan orang sekeliling mempunyai kesan besar kepada pemilihan kerjaya individu. Teori perkembangan kerjaya Super (1979) juga menekankan kepentingan pengaruh keluarga dan persekitaran dalam perkembangan kerjaya individu. Justeru itu Kolej Komuniti perlu menjadikan penglibatan keluarga dalam program penggalakan kerjaya pelajar sebagai satu kelaziman. Program-program seperti Hari Keluarga, Hari Bersama Pelanggan dan sebagainya boleh dijadikan platform untuk mendekatkan Kolej Komuniti dengan keluarga pelajar.

Sumber inspirasi sama ada daripada idola atau mentor berperanan sebagai penyuntik semangat kepada individu untuk terus berjaya. Ini menepati Teori Pembelajaran Sosial oleh Krumboltz (1979) yang menjelaskan manusia banyak belajar melalui pemerhatian. Justeru itu mereka memerlukan seseorang yang berpengaruh untuk dijadikan ikutan. Kolej Komuniti boleh melantik mentor sama ada di kalangan alumni atau

mereka yang telah berjaya untuk dijadikan sumber inspirasi pelajar dan menjadikan mereka lebih berkeinginan untuk berjaya dalam karier masa depan mereka.

Manakala Latihan Industri (LI) yang merupakan sebahagian daripada silibus dalam sistem pengajian Kolej Komuniti ternyata memberi kesan yang besar terhadap perjalanan kerjaya lulusan Kolej Komuniti. Ini kerana rata-rata pelajar Kolej Komuniti merupakan pelajar berisiko di sekolah dan kebanyakannya lemah dalam aspek teori namun mampu menguasai amali dengan baik (Kamarudin 2009). Justeru belajar secara praktikal amat sesuai untuk pelajar Kolej Komuniti dan ia beberapa kali diulas oleh peserta kajian sendiri yang memuji sistem pembelajaran Kolej Komuniti yang banyak berasaskan amali.

Faktor-faktor kritikal yang telah dibincangkan ini perlu diberi perhatian kerana ia merupakan maklum balas daripada lulusan Kolej Komuniti sendiri yang telah menyifatkannya sebagai pemangkin kejayaan mereka dalam kerjaya. Justeru itu Kolej Komuniti perlu mengambil perhatian dan menjadikannya sebagai panduan dalam merencanakan program berkaitan kerjaya bagi pelajar Kolej Komuniti.

## **Kesimpulan Dan Perbincangan**

### **5.1 Ringkasan Am**

Secara keseluruhannya kajian ini telah mencapai objektifnya untuk meneroka profil dan faktor kritikal kejayaan lulusan Kolej Komuniti. Kajian secara kualitatif ini telah berjaya melihat secara terperinci bagi mana faktor kejayaan lulusan Kolej Komuniti sama ada luaran atau dalaman yang memberikan impak kepada mereka. Sebanyak lima faktor dalaman iaitu minat, berani, berpandangan jauh, kemahiran yang tinggi dan pengalaman telah dipersepakati sebagai elemen dalaman utama kejayaan mereka. Manakala empat faktor luaran iaitu dorongan keluarga, orang terdekat, inspirasi dan Latihan Industri menjadi sandaran lulusan Kolej Komuniti untuk berjaya. Kedua-dua faktor ini perlu diberi perhatian dalam program-program kerjaya di Kolej Komuniti bagi memberi impak kepada perjalanan kerjaya pelajar-pelajar Kolej Komuniti.

### **5.2 Implikasi Dapatan**

Dapatan kajian ini perlu diberi perhatian serius oleh pihak yang berwajib seperti Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dan pengurusan Kolej Komuniti sendiri. Ini kerana perjalanan karier pelajar sebenarnya bukan bermula selepas ia tamat belajar tetapi apabila mereka memulakan pengajian di Kolej Komuniti. Mereka perlu dibimbing dan diberi bantuan untuk merancang perjalanan karier mereka menggunakan elemen-elemen yang telah dinyatakan sebelum ini. Justeru itu pengkaji berharap kesemua elemen ini diberikan perhatian dan dijadikan asas dalam pembentukan program pembangunan diri pelajar Kolej Komuniti.

### **5.3 Cadangan Penyelidikan Lanjutan**

a. Kajian tentang bagaimana lulusan Kolej Komuniti merancang kerjaya mereka boleh dibuat bagi melihat laluan kerjaya mereka sehingga mereka berjaya.

b. Hasil daripada kajian ini juga boleh dipanjangkan lagi dengan membentuk satu laluan perkembangan kerjaya untuk pelajar Kolej Komuniti berdasarkan lulusan Kolej Komuniti yang berpendapatan tinggi.

### **Senarai Rujukan**

Ahmad Rosli Mohd Nor (2012) *Manual Pengajaran Kemahiran Insaniah: Untuk Pensyarah Kolej Komuniti*. Melaka: Penerbit KKBBM.

Ahmad Rosli Mohd Nor dan Mohd Lokman Ahmad. 2010. Hubungan antara stress dan tahap sendiri pelajar KKBBM. Prosiding Seminar Penyelidikan Kolej Komuniti Melaka. Ms 17 – 26.

Ahmad Sarji Abdul Hamid (2003) *Wawasan 2020 Malaysia: Memahami konsep, implikasi dan cabaran*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distribution.

Amir Mohd Noor (2011) *Buletin Alumni edisi 2011*. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. Putrajaya: BHIPGA.

Attewell, P. & Lavin, D.E. (2007) *Passing the torch: Does higher education for the disadvantaged pay off across the generations?* New York : Russell Sage  
Bandura, A. (1977) *Social Learning Theory*. New Jersey : Prentice-Hall.

Becker, G. (1964) Human Capital: A Theoretical Analysis. *Journal of Political Economy* 71 (5): 9-49.

Becker, G. (1994) *Human Capital : A theoretical and empirical analysis with special reference to education*. Chicago : The University of Chicago Press.

Belfield, C.R. & Levin, H.M. (2007) *The price we pay: Economics and social consequences of inadequate education*. Washington : Brooking Institutions Press

Belfield, C.R & Bailey, T. (2011) *The benefits of attending community college : A review of the evidence*. <http://crw.sagepub.com/content/39/1/46>. [19 Mac 2013]

Chua Yan Piaw (2006) *Asas Statistik Penyelidikan: Buku 2*. Kuala Lumpur : McGraw Hill.

Deci, E.L., & Ryan, R.M. (2008) Facilitating optimal motivation and psychological well-being across life's domains. *Canadian Psychology*, 4(91), 14-23.

Eells, G.T. & Romans, J.S. (1994) Sex role identity and career indecision as predictors of Holland's congruence. *Annual Meeting of the Mid-Western education Research Association*, 12-15.

Fitzsimons, P. (1999) Human capital theory and education. *Encyclopedia of Philosophy of Education*.

INTAN (2007) *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*. Bukit Kiara: Institut Tadbiran Negara

Ishak Yussof dan Zulkifly Osman (2010) Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Perspektif Ekonomi. Dlm. Yahaya Ibrahim dan Abdul Hair Awang (eds). *Pembangunan Modal Insan : Isu dan Cabaran*. Bangi : Penerbit UKM.

Jasmi Talib (2013) Kajian keberkesanan Modul Merancang Kerjaya terhadap pelajar Kolej Komuniti KPTM. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM.

JPKK (2009) Laporan Tahunan Jabatan Pengajian Kolej Komuniti 2008. KPTM

JPKK (2011) Kajian Pengesanan Graduan Kolej Komuniti 2010. Jabatan Pengajian Kolej Komuniti. KPTM.

Kamarudin Md Tahir, Ruhizan Md Yasin dan Ramlee Mustapha. 2009. Faktor Penyumbang Kepada Tahap Kemahiran Generik dalam kalangan Pelajar Kolej Komuniti KPTM. *Diges JPKK jld 1. Bil 1/2009*. Ms.1 – 40.

KPT (2007) *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) Melangkau Tahun 2020*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Mahathir Mohamad (1993) View and Thoughts of Dr. Mahathir Mohamad, the Prime Minister of Malaysia. dlm *Malaysia's Vision 2020 : Understanding the Concept, Implications and Challenges*. edited by Ahmad Sarji Abdul Hamid. Kuala Lumpur : Pelanduk Publications.

Mincer, J. (1974) *Schooling, Experience and Earning*. New York: National Bureau of Economic Research.

Mohamed Sherif Mohd Kassim (1991) Vision 2020: Its Linkage With The Sixth Malaysia Plan And The Second Outline Perspective Plan. *Proceedings National Seminar: Towards A Developed and Industrialized Society, Implications and Challenges of Vision 2020*. ms. 7-13.

Mohamed Sherif Mohd Kassim (2003) *Wawasan 2020 Malaysia: Memahami konsep, implikasi dan cabaran*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distribution.

Mohd Safarin Nordin, Mohd Zolkifli Abd Hamid dan Kamarudin Tahir. 2008. Tahap kemahiran generik pelajar komuniti dan ICT. Dlm. Yusof Boon, Mohd Safarin Nordin, Muhammad Sukri Saud dan Sarimah Ismail (eds) *ICT dalam Pendidikan Teknik dan Vokasional*. Skudai : Penerbit UTM.

Murphy, B., Roberst, P & Wolfson, M. (2007) *Jurnal Perspectives*. <http://www.statcan.gc.ca/pub/75-001-x/2007109/article/10350-eng.pdf>. Pg 5 – 17. [24 Mac 2013].

Ramachandran, R. (2005) *K-measures Towards Building a Knowledge Society and Economy*. MIMOS.

Sekaran, U. (2003) *Research Methods for Business*. USA: John Wiley and Sons.

Syed Mohamad Syed Abdullah (2010) *Kesan Modul Merancang Kerjaya Ke atas Pelajar Berpencapaian Rendah*. Tesis PhD. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tan, H.W. & Gill, I.S. (2000) Malaysia. Dlm. *Vocational Education and Training Reform*. Indermit S.G., Fluitman, F. & Amit dar (eds) 218-280. New York: Oxford University Press.

Trostel, P., Walker, I. & Wooley, P. (2002) Estimate of the Economic Return to Schooling for 28 countries. *Labour Economics* 9.

Unit Perancang Ekonomi (2013) *Pendapatan dan kemiskinan isi rumah 1970 – 2012*. Jabatan Perdana Menteri. <http://www.epu.gov.my/documents/10124/fec5c411-a97c-491b-b9a5-e28cd227ac95>. [5 Disember 2013].

Webbink, D. & Harthog, J. (1999) *Can Student Predict Their Starting Salary? Yes, Mimeo*. Netherland: University of Amsterdam.

Zikmund, W. (2003) *Business Research Method 7<sup>th</sup> Edition*. Ohio: Thomson University.

Zuniga, F.V. (2004) *Why Labour Competencies? Key Elements to be Considered*. Geneva: Cinterfor, Ilo.

## Lampiran 1

### PROFIL PESERTA KAJIAN

i. PK01

PK01 merupakan seorang Pengarah Urusan syarikat yang berasaskan kejuruteraan pembuatan dan berkelulusan Sijil Teknologi Pembuatan daripada Kolej Komuniti di utara semenanjung. Mempunyai dua buah kilang berasaskan kejuruteraan dan pembuatan yang lengkap dan beliau mampu mengeksport produknya ke luar negara. Beliau telah diiktiraf sebagai jutawan dan dilantik sebagai duta alumni lulusan Kolej Komuniti dalam satu persidangan keusahawanan Kolej Komuniti pada tahun 2011. Pada pengamatan pengkaji, beliau adalah seorang yang amat gigih dan sentiasa berusaha keras walaupun hanya berkelulusan sijil Kolej Komuniti tetapi mampu mengendalikan sebuah syarikat kejuruteraan yang berjaya. Dia seorang yang kuat semangat dan mempunyai iltizam yang tinggi dalam membangunkan syarikat kejuruteraan bumiputera yang berjaya.

ii. PK02

PK02 merupakan seorang mekanik yang pakar dalam kereta BMW dan berkelulusan Sijil Automotif. Walaupun mempunyai latar akademik yang rendah semasa di sekolah namun beliau telah menjadikan Kolej Komuniti sebagai platform untuk mengubah masa depannya. Pada pemerhatian pengkaji, beliau adalah seorang yang mempunyai perancangan masa depan yang baik, menggunakan sepenuhnya kepakaran diri dan berani menanggung risiko. Hasil wawasan dan perancangan terperinci, beliau berjaya melengkapkan bengkelnya dengan peralatan dan perisian khusus untuk kereta BMW tanpa perlu berhutang dengan bank.

iii. PK03

PK03 merupakan lulusan Sijil Multimedia Kreatif dan Animasi. Beliau adalah pengasas dan pengarah urusan syarikat pembuatan perabot dalaman dan pejabat. Beliau membangunkan perniagaannya daripada bawah dan mampu membuktikan kemampuannya untuk bersaing dengan pengusaha-pengusaha lain. Hasilnya, beliau berjaya membuka sebuah kilang perabot hiasan dalaman dan mempunyai pekerja-pekerja yang berpengalaman. Pada pengamatan pengkaji, beliau adalah seorang usahawan wanita yang mempunyai ketegasan dan prinsip yang tersendiri.

iv. PK04

PK04 merupakan pengurus sebuah syarikat berasaskan *company secretary* dan berkelulusan Sijil Perakaunan Perniagaan dan Diploma Perakaunan Perniagaan Kolej Komuniti. Bermula sebagai eksekutif biasa, beliau telah bekerja keras untuk membina reputasi dan hasilnya beliau telah dinaikkan pangkat sehingga menjadi pengurus syarikat. Seterusnya, beliau telah membuka satu syarikat sendiri secara perkongsian dengan majikan lamanya. Beliau tidak fasih berbahasa Inggeris tetapi mempunyai iltizam untuk menguasainya dan tidak jemu untuk belajar. Pada pemerhatian

pengkaji beliau adalah contoh lulusan Kolej Komuniti yang tidak mengenal putus asa dan mampu menjadikan kelemahannya sebagai satu kelebihan.

iv. PK05

PK05 merupakan Pengarah Urusan di dua buah syarikat yang berasaskan elektrik dan sukan futsal. Beliau berkelulusan Sijil Teknologi Elektrik dan merupakan lambang wanita besi bagi lulusan Kolej Komuniti. Beliau mampu menguruskan dua buah syarikat yang sedang berkembang maju sekarang ini dan menguruskan berpuluh pekerja yang majoritinya adalah lelaki. Seorang yang oportunistik dan pandai menggunakan kelebihan dirinya untuk mencapai kejayaan. Pada pengamatan pengkaji beliau merupakan seorang yang mesra, pandai berkomunikasi dengan orang luar dan cekap dalam mengendalikan sesuatu urusan.

v. PK06

PK06 merupakan lulusan dalam Sijil Teknologi Maklumat dan Diploma Teknologi Maklumat daripada Kolej Komuniti. Walaupun begitu beliau telah berjaya membuka sebuah kedai yang berasaskan grafik dan pengiklanan setelah melihat potensi perniagaan ini. Seorang yang fleksibel dan mampu menyerap tekanan dalam mengharungi cabaran perniagaan. Pada pemerhatian pengkaji beliau merupakan seorang usahawan wanita yang tidak mengenal erti menyerah kalah dan fleksibel dalam menguasai kemahiran baru dan mampu mengadaptasi cabaran untuk mencipta kejayaan.

vi. PK07

PK07 adalah pelajar terbaik dalam bidang landskap dan telah ditawarkan pekerjaan oleh anak syarikat Kumpulan Sunway sejurus tamat pengajian. Beliau telah membuktikan lulusan Kolej Komuniti mampu bersaing dengan lulusan institusi lain seperti UiTM dan telah diberi kepercayaan untuk menguruskan landskap kawasan Bandar Sunway. Kemahiran tinggi yang ada padanya membuatkan beliau menjadi aset kepada syarikat. Pada pandangan pengkaji beliau adalah lambang kejayaan Kolej Komuniti dalam melahirkan tenaga kerja mahir untuk negara.

vii. PK08

PK08 merupakan lulusan Sijil Teknologi Elektrik daripada Kolej Komuniti. Namun begitu kesukaran mendapatkan pekerjaan membuatkan beliau menukar haluan menjadi seorang usahawan dalam bidang kawalan serangga dan pembersihan bangunan. Beliau banyak mendapat kontrak daripada kerajaan dan swasta yang mencecah ratusan ribu ringgit. Seorang yang cukup merendah diri tetapi mempunyai keazaman yang tinggi untuk berjaya. Beliau tidak malu untuk melakukan kerja yang dianggap kotor seperti menyapu sampah dan sebagainya sehingga beliau berjaya membuka syarikat pembersihan dan kawalan makhluk perosak. Pada pengamatan pengkaji beliau adalah seorang tabah dan tidak sesekali berputus asa walaupun berdepan dengan pelbagai kegagalan.